

21 NOV 2001

Agong (Fokus Berita)

YANG DI-PERTUAN AGONG TONGGAK PERPADUAN DAN KEHARMONIAN NEGARA

Oleh: Kuah Guan Oo

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) - Kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini mengukir satu lagi lembaran dalam sejarah moden Malaysia yang mempunyai sembilan Raja Melayu sebagai simbol perpaduan dan keharmonian negara.

Disanjung tinggi serta dihormati, kesemua sembilan raja berkenaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan kestabilan di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini.

Raja-raja ini menjadi ketua bagi negeri masing-masing manakala Yang di-Pertuan Agong, yang dipilih daripada kalangan sembilan raja yang ada untuk memegang jawatan secara bergilir, lima tahun sekali, merupakan ketua negara.

Setiap rakyat menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada kesemua raja ini.

Sultan Salahuddin, 75, adalah Sultan Selangor yang kedua dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong oleh raja-raja. Ayahandanya, Sultan Hisamuddin Alam Shah, telah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong kedua tetapi baginda mangkat beberapa jam sebelum berlangsungnya istiadat pertabalan pada 1 Sept 1960.

Sultan Hisamuddin Alam Shah mengambil alih jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong daripada Yang di-Pertuan Agong pertama, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad, yang mangkat semasa beradu pada 1 April 1960.

Tuanku Abdul Rahman, yang wajahnya menghiasi setiap wang kertas Malaysia adalah Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan semasa ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong pertama pada 2 Sept 1957, tiga hari selepas Tanah Melayu mengisytiharkan kemerdekaannya.

Sistem giliran yang diamalkan dalam pelantikan Yang di-Pertuan Agong memberi banyak manfaat kepada sistem politik negara ini sejak Merdeka. Kini, sistem itu sudah memasuki pusingan kedua setelah raja dari kesemua sembilan negeri sudahpun pernah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong, sekurang-kurangnya sekali.

Bagi Negeri Sembilan dan Selangor, raja-rajanya dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong sebanyak dua kali.

Kesemua sembilan raja berkenaan akan bersidang dalam masa empat minggu untuk memilih Yang di-Pertuan Agung yang baru, kata Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad hari ini semasa mengumumkan kemangkatan Sultan Salahuddin.

Beliau berkata, sehingga Yang di-Pertuan Agung baru dilantik oleh sembilan raja berkenaan, Timbalan Yang di-Pertuan Agung sekarang, Sultan Mizan Zainal Abidin dari Terengganu, akan memangku tugas-tugas Yang di-Pertuan Agung.

#### SENARAI AGONG SEBELUM INI

Berikut ialah senarai semua Yang di-Pertuan Agung sebelum ini mengikut kronologi:

##### 1. YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

-----  
Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad

Mangkat : 1 April, 1960 (mangkat dalam tidur)

Ditabal : 2 Sept, 1957

Tempoh Jawatan : 3 Ogos, 1957 - 1 April, 1960

## 2. SULTAN SELANGOR

-----  
Sultan Hisamuddin Alam Shah Al-Haj Ibni  
Almarhum Sultan Ala'iddin Sulaiman Shah  
Mangkat : 1 Sept, 1960  
Ditabal : 1 Sept, 1960 (mangkat beberapa jam sebelum ditabal)  
Tempoh Jawatan : Menjalankan tugas Agong bermula 4 April, 1960

## 3. RAJA PERLIS

-----  
Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullail  
Mangkat : 16 April, 2000  
Ditabal : 4 Jan, 1961  
Tempoh Jawatan : 21 Sept, 1960 - 20 Sept, 1965

## 4. SULTAN TERENGGANU

-----  
Sultan Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin  
Mangkat : 20 Sept, 1979  
Ditabal : 21 Sept, 1965  
Tempoh Jawatan : 21 Sept 1965 - 20 Sept, 1970

## 5. SULTAN KEDAH

-----  
Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah  
Ditabal : 20 Feb, 1971  
Tempoh Jawatan : 21 Jan, 1970 - 20 Sept 20, 1975

## 6. SULTAN KELANTAN

-----  
Sultan Yahya Petra Ibni Almarhum Sultan Ibrahim  
Mangkat : 29 Mac, 1979  
Ditabal : 28 Feb, 1976  
Tempoh Jawatan : 21 Sept, 1975 - 29 Mac, 1979

## 7. SULTAN PAHANG

-----  
Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Almarhum Sultan Abu  
Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah  
Ditabal : 10 Julai, 1980  
Tempoh Jawatan : 26 April, 1979 - 25 April, 1984

## 8. SULTAN JOHOR

-----  
Sultan Mahmood Iskandar Al-Haj Ibni Almarhum Sultan Ismail  
Ditabal : 15 Nov, 1984  
Tempoh Jawatan : 15 April, 1984 - 25 April, 1989

## 9. SULTAN PERAK

-----  
Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuff Izzuddin  
Ghafarullahulahu Shah  
Ditabal : 18 Sept, 1989  
Tempoh Jawatan : 26 April, 1989 - 25 April, 1994

10. YANG DI-PERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN

-----  
Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman  
Ditabal : 22 September 1994  
Tempoh Jawatan : 16 April, 1994 - 25 April, 1999

11. SULTAN SELANGOR

-----  
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam  
Shah  
Mangkat : 21 Nov, 2001  
Ditabal : 23 Sept, 1999  
Tempoh Jawatan : 26 April, 1999 - 21 Nov, 2001  
-- BERNAMA  
KGO AU PR